

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

15. Kompleks Makanan Sri Wangsa di Lorong Perak telah dibiarkan sejak tahun 2018. Masyarakat tempatan rasa ketidakpuasan hati memandangkan dibiarkan begitu sahaja serta menjolok mata dengan sampah sarap. Apakah status terkini dan huraikan dengan terperinci perkembangan terkini tentang kompleks makanan ini.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Kompleks Makanan Sri Wangsa di Lorong Perak merupakan satu tapak penjaja kosong yang diserahkan oleh Ribuan Wangsa Sdn. Bhd. kepada MBPP pada Mei 2008 dengan namaan nominal. Tapak penjaja berkenaan kemudiannya diuruskan oleh sebuah syarikat yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui sebut harga.

Syarikat berkenaan bertanggungjawab untuk menaik taraf tapak penjaja berkenaan bagi menyediakan kemudahan untuk perniagaan. Pihak MBPP melantik syarikat berkenaan untuk menguruskan tapak penjaja tersebut bagi setiap 3 tahun sekali. Pada Mei 2014, MBPP telah melantik syarikat baru untuk menguruskan tapak penjaja berkenaan bagi tempoh 3 tahun seterusnya. Bermula daripada itu, telah berlaku perselisihan faham antara pengusaha baharu dan lama. Keadaan menjadi rumit sehingga menyebabkan pengusaha lama membawa perkara tersebut ke mahkamah.

Oleh yang demikian, kerja-kerja menaik taraf dan menyediakan kemudahan infrastruktur telah tergendala untuk tempoh yang lama. Kini, pengusaha lama telah menarik balik kes tersebut dan kes selesai pada bulan Disember 2019. Pengusaha baharu juga telah diminta untuk mengemukakan pelan bangunan kepada MBPP untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC untuk kelulusan pelan bangunan.

Pihak pengusaha baharu telah diarahkan untuk menyegerakan penempatan penjaja di kawasan berkenaan. Satu notis akan dikeluarkan kepada pengusaha berkenaan jika gagal mematuhi syarat tawaran Lesen Menduduki tapak berkenaan dan pembatalan tawaran akan dibuat sekiranya pengusaha berkenaan tidak mematuhi syarat tersebut.

Bagi masalah pembuangan sampah oleh penduduk Taman Sri Wangsa, pihak pengusaha juga telah diminta untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di tapak gerai bagi mengatasi masalah pembuangan sampah.